

Panduan pembasmian


Penggunaan klinikal sahaja

Panduan ini bertujuan untuk penggunaan semula pelbagai pesakit topeng hidung AirFit™ N30 di makmal tidur, klinik atau hospital. Jika anda menggunakan topeng sebagai pengguna tunggal di rumah, rujuk kepada Panduan Pengguna untuk arahan pembersihan. Pemproses bertanggungjawab untuk memastikan bahawa pemprosesan semula selesai mengikut prosedur yang disahkan ResMed.

Komponen Topeng ¹	Pembersihan		Bilangan kitaran yang disahkan
	Alkali Ringan, Bahan Pencuci Anion contohnya Alconox	neodisher MediClean forte	
	Pembasmian Kuman Haba		
	Manual	Pencuci-Pembasmi Kuman	
• Kusyen	✓	✓	30
• Bingkai standard	✓	✓	30
• Bingkai QuietAir™ ²	-	-	-
• Tali belahan alat di kepala	✓	✓	30

¹ Mungkin tidak tersedia di semua kawasan. Bagi maklumat lengkap mengenai penggunaan yang betul topeng ini, sila rujuk kepada Panduan Pengguna. Bagi senarai alat ganti yang boleh didapati, semak Panduan Produk di ResMed.com

² Bukan bertujuan untuk penggunaan semula pelbagai pesakit.



- A Tali belahan alat di kepala
- 1 Kancing
- 2 Lubang butang
- 3 Hujung topi
- B Kusyen
- C QuietAir™ / Bingkai standard
- 4 Penstabil
- 5 Bolong QuietAir
- 6 Bolong
- 7 Tiub topeng

Prosedur pembasmian kuman haba

1. Menyahpasang	Menyahpasang topeng mengikut arahan dalam Panduan Pengguna.
2. Pembersihan	<ol style="list-style-type: none">1. Buat larutan alkali ringan, bahan pencuci anion dan air¹ mengikut arahan pengilang. ResMed telah mengesahkan yang berikut:<ul style="list-style-type: none">• Alconox Kepekatan 1% (10 g/L) 30-55°C2. Rendam semua komponen topeng selama 5 hingga 10 minit. Pastikan tiada gelembung udara.3. Selepas masa merendam, sambil mengekalkan komponen dalam larutan, bersihkan bahagian dalam dan luar dengan berus berbulu lembut seperti berikut. Beri perhatian khusus pada rekahan dan rongga.<ul style="list-style-type: none">• Kusyen / bingkai / alat di kepala Memberus 1 minit4. Bilas komponen seperti berikut di bawah air yang mengalir¹ ($\leq 60^{\circ}\text{C}$) menyentuh semua permukaan secara langsung.<ul style="list-style-type: none">• Kusyen / bingkai Membilas 30-60 saat• Alat di kepala Membilas 1 minit, sambil memerah berulang kali
3. Pemeriksaan dan pengeringan	<ol style="list-style-type: none">1. Periksa dan jika perlu, ulang semua langkah dalam seksyen [2. Pembersihan] sehingga kelihatan bersih.²2. Perah alat di kepala untuk membuang air yang berlebihan.3. Biarkan komponen kering jauh dari cahaya matahari.³
4. Pembasmian kuman	<ol style="list-style-type: none">1. Rendam komponen topeng dalam mandian air panas¹ menggunakan salah satu daripada kombinasi suhu-waktu berikut:<ul style="list-style-type: none">• 75°C selama 30 minit• 80°C selama 10 minit• 90-93°C selama 1 hingga 10 minit.2. Perah alat di kepala untuk membuang air yang berlebihan.3. Biarkan komponen kering jauh dari cahaya matahari.
5. Pemeriksaan	Lakukan pemeriksaan visual bagi setiap komponen topeng. Jika sebarang kemerosotan komponen topeng kelihatan (kerekahan, retak seribu, koyak dan sebagainya), komponen topeng perlu dibuang dan diganti. Sedikit perubahan warna pada komponen silikon mungkin berlaku dan boleh diterima.
6. Pemasangan semula	Memasang semula topeng mengikut arahan dalam Panduan Pengguna.
7. Penyimpanan dan pengangkutan	Bagi butiran penyimpanan dan pengangkutan, semak Panduan Pengguna.

¹ Bagi semua langkah pembersihan, bilasan dan pembasmian kuman, gunakan air minum yang berkualiti. Sekiranya peraturan tempatan mengenakan keperluan kualiti air untuk pemprosesan semula peranti perubatan, keperluan ini mesti dipenuhi.

² Kegagalan untuk membersihkan komponen topeng seperti yang dinyatakan boleh mengakibatkan pembasmian kuman yang tidak mencukupi.

³ Pengeringan tidak diperlukan jika pembasmian kuman haba diteruskan dengan serta-merta.

Prosedur pembasmian kuman haba- Pencuci-Pembasmi Kuman

1. Menyahpasang	Menyahpasang topeng mengikut arahan dalam Panduan Pengguna.																								
2. Pencuci-Pembasmi Kuman ¹	<p>1. Rendam komponen topeng dalam 5 liter mandian bilas air paip sejuk¹ selama 1 minit. Pastikan tiada gelembung udara pada komponen.</p> <p>2. Bilas setiap komponen di bawah air paip sejuk yang mengalir¹ selama 30 saat. Pastikan permukaan dalaman disiram.</p> <p>3. Pindahkan komponen ke dalam pencuci-pembasmi kuman patuh siri ISO 15883. Bagi komponen bingkai standard, letakkan pada muncung sembur³ untuk memudahkan aliran air melalui tiub topeng. Komponen harus diorientasikan untuk memastikan saluran yang berkesan.</p> <p>4. Tetapkan pencuci-pembasmi kuman menggunakan tetapan berikut:</p> <table border="1" data-bbox="443 352 1682 576"> <thead> <tr> <th>Fasa/Peringkat</th> <th>Masa peredaran semula (minit)</th> <th>Suhu (°C)</th> <th>Bahan pencuci</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Pra cuci</td> <td>4</td> <td>Sejuk</td> <td>–</td> </tr> <tr> <td>Cuci</td> <td>10</td> <td>43-60</td> <td>2-10 mL/L (0.2-1%) neodisher MediClean forte</td> </tr> <tr> <td>Peneutralan</td> <td>6</td> <td>43-60</td> <td>1-2 mL/L (0.1-0.2%) neodisher Z</td> </tr> <tr> <td>Bilas Terakhir</td> <td>3</td> <td>43-60</td> <td>–</td> </tr> <tr> <td>Pembasmian Kuman Haba</td> <td>5-10</td> <td>90-93</td> <td>–</td> </tr> </tbody> </table>	Fasa/Peringkat	Masa peredaran semula (minit)	Suhu (°C)	Bahan pencuci	Pra cuci	4	Sejuk	–	Cuci	10	43-60	2-10 mL/L (0.2-1%) neodisher MediClean forte	Peneutralan	6	43-60	1-2 mL/L (0.1-0.2%) neodisher Z	Bilas Terakhir	3	43-60	–	Pembasmian Kuman Haba	5-10	90-93	–
Fasa/Peringkat	Masa peredaran semula (minit)	Suhu (°C)	Bahan pencuci																						
Pra cuci	4	Sejuk	–																						
Cuci	10	43-60	2-10 mL/L (0.2-1%) neodisher MediClean forte																						
Peneutralan	6	43-60	1-2 mL/L (0.1-0.2%) neodisher Z																						
Bilas Terakhir	3	43-60	–																						
Pembasmian Kuman Haba	5-10	90-93	–																						
3. Pemeriksaan dan pengeringan	<p>1. Periksa dan jika perlu, ulang semua langkah dalam seksyen [2. Pencuci-Pembasmi Kuman] sehingga kelihatan bersih².</p> <p>2. Perah alat di kepala untuk membuang air yang berlebihan.</p> <p>3. Biarkan komponen kering jauh dari cahaya matahari.</p>																								
4. Pemeriksaan	Lakukan pemeriksaan visual bagi setiap komponen topeng. Jika sebarang kemerosotan komponen topeng kelihatan (kerekahan, retak seribu, koyak dan sebagainya), komponen topeng perlu dibuang dan diganti. Sedikit perubahan warna pada komponen silikon mungkin berlaku dan boleh diterima.																								
5. Pemasangan semula	Memasang semula topeng mengikut arahan dalam Panduan Pengguna.																								
6. Penyimpanan dan pengangkutan	Bagi butiran penyimpanan dan pengangkutan, semak Panduan Pengguna.																								

¹ Bagi semua langkah pembersihan, bilasan dan pembasmian kuman, gunakan air minum yang berkualiti. Sekiranya peraturan tempatan mengenakan keperluan kualiti air untuk pemprosesan semula peranti perubatan, keperluan ini harus dipenuhi.

² Kegagalan untuk membersihkan komponen topeng seperti yang dinyatakan boleh mengakibatkan pembasmian kuman yang tidak mencukupi.

³ Gunakan pembawa/rak beban pencuci-pembasmi kuman yang mengandungi muncung sembur/penyuntik.

PERINGATAN DAN AMARAN AM

- Sentiasa ikut arahan pembersihan dan pembasmian kuman. Sesetengah produk pembersihan boleh merosakkan topeng, sesetengah bahagian dan fungsinya, atau meninggalkan wap sisa berbahaya. Sebarang penyimpangan daripada prosedur yang disenaraikan dalam panduan ini, termasuk melebihi bilangan maksimum kitaran yang ditetapkan, boleh memberi kesan buruk pada topeng dan seterusnya keselamatan atau kualiti terapi.
- Komponen topeng tidak patut dikenakan pensterilan gas autoklaf atau etilena oksida.
- Apabila menggunakan bahan pencuci, pembasmi kuman atau peralatan, sentiasa ikut arahan pengilang. Sekiranya terdapat percanggahan, panduan ini akan diberi keutamaan.
- Sentiasa ikut amalan operasi yang selamat, termasuk penggunaan peralatan perlindungan peribadi yang sesuai (PPE), seperti yang diperlukan. Rujuk kepada arahan keselamatan pengilang untuk maklumat lanjut.